

# CIRI-CIRI NEGARA BANGSA KESULTANAN MELAYU MELAKA



## KERAJAAN

- Muncul disebabkan adanya raja.
- Raja merupakan pemerintah tertinggi.
- Pemerintahan beraja diperkuatkan dengan Sistem Pembesar Empat Lipatan.
- Pemerintah menggunakan gelaran Sultan selepas kedatangan Islam.

## RAKYAT

- Terdiri daripada orang Melayu dan orang Laut.
- Golongan diperintah terdiri daripada rakyat yang merangkumi golongan merdeka dan hamba.
- Hubungan timbal balik pemerintah-rakyat mewujudkan persefahaman dan kesejahteraan.

## KEDAULATAN

- Lambang kekuasaan tertinggi sultan.
- Merupakan hak mutlak sultan untuk mengawal rakyat dan wilayah.

• Kedaulatan Kesultanan Melayu Melaka diiktiraf oleh kerajaan lain dan bebas daripada campur tangan kuasa asing.

## WILAYAH PENGARUH

- Kawasan pemerintahan raja yang diterima dan diakui oleh rakyat.
- Mempunyai wilayah pengaruh yang luas merangkumi Semenanjung Tanah Melayu dan pantai timur Sumatera.
- Diperoleh melalui penaklukan, naungan, dan perkahwinan.

## UNDANG- UNDANG

- Menggunakan undang-undang bertulis, iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka.
- Mengukuhkan kerajaan, melindungi rakyat dan menjadikan Kesultanan Melayu Melaka kerajaan yang unggul.

## LAMBANG KEBESARAN

- Menjadi identiti, keistimewaan dan simbol kedaulatan sultan yang memerintah.
- Contoh adat istiadat, penggunaan warna, nobat, regalia dan cap mohor.
- Cap mohor digunakan untuk mengesahkan arahan daripada sultan.

